

# 9 penjaga dilatih di China

**Putrajaya:** Sembilan penjaga panda akan dihantar ke China untuk menjalani latihan terperinci termasuk menyesuaikan diri dengan pasangan panda, Fu Wa dan Feng Yi, pertengahan 2013.

Pemangku Timbalan Pengerah Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj), Fadlun Makujud, berkata pihak China mewajibkan latihan itu kira-kira enam bulan sebelum pasangan panda terbabit ditempatkan di Taman Wetlands, di sini.

Selain itu, katanya, empat veterinar juga akan menjalani latihan di negara asal haiwan berkenaan tahun depan.

“Tugas penjaga penting kerana mereka akan memastikan panda makan ikut jadual, persekitarannya bersih, selain menjalani ujian darah dan air kencing dari semasa ke se-

masa. Bersetujuan dengan fungsi mereka, kita akan menyediakan rumah penjaga berhampiran tapak penempatan panda,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerah Jabatan Perhubungan Antarabangsa, Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar China (CWCA), Zhong Yi supaya Malaysia menghantar pegawai veterinar dan penjaga panda ke China untuk menjalani latihan penjagaan haiwan itu bagi menentukan keselesaan panda, selain mengurangkan risiko ke atas haiwan berkenaan.

## **Kerjasama pintar**

Fadlun berkata, penjaga panda dan veterinar antara jawatan yang mungkin dipinjamkan dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) atau arahan

bertugas dari jabatan itu ke PPj selain melalui kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia.

Selain itu, katanya, kakitangan makmal, penjaga tanaman buluh, kakitangan teknikal seperti dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan elektrik dan disertai pentadbiran juga



## **FAKTA NOMBOR**

---

**6** bulan

tempoh latihan wajib

---

**4** pegawai

veterinar mula jalani latihan tahun depan

---